



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 11(1) 2025

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Faktor-Faktor yang Mendorong Isteri Melakukan Hibah Kepada Suami

(Factors that Encourage a Wife to Make a *Hibah* to Her Husband)

Nurul Adilah Hidzhir^{1*}✉, Zul-kifli Hussin¹

¹Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 30 April 2024
Accepted 27 January 2025
Published 10 March 2025

Keywords:

awareness
extrinsic
hibah takaful
intrinsic
muamalah

Katakunci:

ekstrinsik
hibah takaful
intrinsik
kesedaran
muamalah

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v11i1.2>

ABSTRACT

Hibah is one of the contracts in Islamic financial dealings (*Muamalah*). In the context of marital relationships, *hibah* is typically given by the husband to the wife rather than the wife to the husband. However, *hibah* is not limited to this; it can serve as an important instrument to secure the interests of future generations. The responsibility for the household primarily lies with the husband, as he is the head of the family. The welfare, well-being during life and after death, as well as the overall interests of the household, also fall under the husband's responsibilities. Nevertheless, wives also share the responsibility of ensuring the family's welfare. Traditionally, *hibah* is more commonly initiated by husbands for their wives rather than vice versa. However, in recent times, the situation has shifted. With specific considerations, wives have begun to develop early awareness regarding *hibah* to secure the well-being of their husbands and families by implementing *hibah* takaful (Islamic insurance-based gifting). This research aims to identify the factors that drive wives to make *hibah* to their husbands. The study design uses a qualitative approach, employing interviews with respondents based on purposive sampling as the data collection method. The collected data are then analyzed using thematic analysis. The findings reveal that the primary reason for wives giving *hibah* to their husbands is concern for the husband's well-being and the continuity of life after the wife's death. It was found that intrinsic factors play a more dominant role compared to extrinsic factors in this practice. This indicates that each wife has a positive perception and makes thorough plans for the future of the family. Hence, recommendations for improvement include increasing public awareness, particularly among women, about *hibah* practices.

^{1*} Corresponding author. E-mail address: dilahidzhir97@gmail.com
<https://doi.org/10.24191/jcis.v11i1.2>

ABSTRAK

Hibah merupakan salah satu akad dalam muamalah Islam. Dalam hubungan suami isteri, hibah lazimnya dibuat oleh suami kepada isteri berbanding isteri kepada suami. Namun, hibah tidak terhad kepada hubungan suami isteri Sahaja, sebaliknya ia boleh menjadi instrumen penting bagi menjamin kepentingan generasi seterusnya. Tanggungjawab rumah tangga sepenuhnya terletak di bahu suami kerana suami adalah ketua keluarga. Segala kepentingan, kebajikan rumah tangga, serta kemaslahatan semasa hidup dan setelah kematian juga merupakan tanggungjawab suami. Walau bagaimanapun, isteri juga bertanggungjawab menjaga kebajikan-kebajikan rumah tangga. Dalam konteks hibah, amalan ini lebih kerap dilakukan oleh suami kepada isteri berbanding isteri kepada suami. Namun, pada masa kini situasi telah berubah. Berdasarkan pertimbangan tertentu, para isteri kini mempunyai kesedaran awal berkaitan hibah demi kemaslahatan suami dan keluarga dengan melaksanakan hibah takaful. Penyelidikan ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong isteri melakukan hibah kepada suami. Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif dengan temu bual terhadap responden yang dipilih melalui persampelan bertujuan sebagai kaedah pengumpulan data. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemberian hibah oleh isteri kepada suami adalah disebabkan oleh keprihatinan dan kelangsungan hidup suami setelah kematian isteri. Dalam pemberian hibah daripada isteri kepada suami, didapati bahawa faktor intrinsik lebih dominan berbanding faktor ekstrinsik. Hal ini menunjukkan bahawa setiap isteri mempunyai persepsi yang positif dan membuat perancangan yang rapi demi masa depan keluarga. Oleh itu, cadangan penambahbaikan boleh dilakukan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat, khususnya dalam kalangan wanita, mengenai amalan hibah.

PENDAHULUAN

Perkahwinan merupakan satu ikatan yang menghalalkan hubungan antara lelaki dan perempuan untuk hidup bersama serta menentukan hak-hak dan tanggungjawab setiap pihak yang telah ditetapkan oleh syarak. Perkahwinan juga dianggap sebagai satu langkah permulaan dalam pembentukan keluarga. Setiap pasangan yang ingin membina keluarga haruslah saling mencintai dan memikul tanggungjawab antara satu sama lain. Merujuk kepada hadis dalam Muwatta' Imam Malik yang bermaksud:

...تَهَادَوْا تَحَابُّوا...

“...hendaklah kalian saling memberi hadiah, nescaya akan saling mencintai...”

Riwayat Malik: 2641

Hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW menggalakkan umatnya supaya bertukar-tukar hadiah kerana amalan ini boleh menguatkan ikatan persaudaraan dan kasih sayang antara manusia (Nasrul Hisyam, 2011). Hibah juga boleh diibaratkan sebagai hadiah yang mampu mewujudkan kasih sayang. Bahkan hibah memberikan kesan yang lebih mendalam kepada penerima. Selain itu, hibah juga berfungsi sebagai alat penting dalam perancangan harta Islam (Siti Norisshah & Muhamad Zuhaili, 2023). Menurut Wahbah Zuhaili (1985), sedekah dan hadiah termasuk dalam kategori hibah yang merujuk kepada suatu akad yang memberikan faedah pemilikan tanpa sebarang pertukaran atau balasan sepanjang hayat secara sukarela. Hal

ini menunjukkan bahawa hibah adalah salah satu saluran untuk melakukan kebajikan yang dianjurkan oleh Islam.

Selain itu, muamalah dalam Islam merujuk kepada suatu kegiatan yang mengatur hal-hal yang berkaitan tatacara hidup sesama umat manusia bagi memenuhi keperluan hidup seharian. Muamalah juga diertikan sebagai hubungan antara manusia yang bertujuan untuk saling membantu agar terbentuknya masyarakat yang harmoni. Terdapat beberapa akad dalam muamalah Islam yang mempunyai ciri-ciri hampir sama dengan hibah. Antara akad tersebut ialah wasiat, pinjaman, sedekah, hadiah dan wakaf (Nasrul Hisyam, 2011). Hibah merupakan salah satu bentuk pembahagian harta dalam kalangan umat Islam yang semakin mendapat perhatian dalam masyarakat muslim pada masa kini. Pembahagian harta melalui hibah yang dilakukan semasa hidup merupakan salah satu alternatif sistem pembahagian harta yang digalakkan dalam agama Islam. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), hibah definisikan sebagai pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan yang baik.

Syaikh Abdurrahman al-Jaza'iri (2003) membawa takrifan hibah berdasarkan pandangan tiga mazhab. Pendapat pertama dikemukakan oleh ulama mazhab Hanafi yang berpendapat bahawa hibah ialah pemilikan sesuatu tanpa syarat untuk menggantikannya pada saat itu. Pendapat kedua pula dikemukakan ulama mazhab Maliki yang menyatakan bahawa hibah ialah pemilikan sesuatu tanpa perlu diganti yang diniatkan untuk mengharap redha penerima hibah dan dinamakan juga dengan hadiah. Pendapat ketiga bersumber daripada ulama mazhab Syafii yang berpendapat bahawa hibah mempunyai dua makna, iaitu umum dan khusus. Makna umum merangkumi hadiah dan sedekah, manakala makna khusus hanya merujuk kepada hibah sahaja. Sementara itu, Wahbah al-Zuhaili (1989) membawa takrifan hibah berdasarkan pendapat mazhab Hambali, yang mentakrifkan hibah sebagai pemindahan milik sesuatu barang yang harus digunakan, sama ada harta yang diketahui atau tidak, asalkan ia wujud dan satu benda yang mampu diserahkan. Hibah bukan perkara wajib dalam kehidupan, malah ia diberikan tanpa mengharapkan sebarang gantian.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan akad hibah di Malaysia tidak terhad kepada kontrak klasik semata-mata. Hal ini kerana akad hibah telah diinovasikan sebagai instrumen kewangan Islam yang dikomersialkan secara kontemporari dengan menggabungkannya dengan akad amanah atau akad takaful (Mohd Arif et al., 2023). Oleh itu, dengan meneliti amalan hibah komersial yang dilakukan oleh institusi kewangan Islam masa kini, kajian ini memfokuskan kepada pelaksanaan hibah takaful di Malaysia. Hibah takaful atau dikenali sebagai hibah bersyarat digunakan oleh syarikat takaful sebagai kaedah pembayaran tuntutan wang pampasan takaful apabila pemilik takaful meninggal dunia. Justeru, pembahagian hibah takaful ini tidak tertakluk kepada pembahagian pusaka mengikut hukum faraid. Hal ini kerana penerima hibah takaful adalah penerima mutlak wang pampasan tersebut (Umairah, 2024).

Selanjutnya, menurut Ekhwan Haque' (2020), berdasarkan statistik Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), dianggarkan tunggakan kes tuntutan harta pusaka di Malaysia telah mencecah hampir RM70 bilion dan kebanyakan kes tersebut melibatkan orang Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa sikap waris yang tidak peduli terhadap harta pusaka si mati semakin meruncing sehingga harta tersebut tidak dituntut. Laporan dalam statistik juga menyebutkan bahawa faktor utama kes-kes tertunggak ialah pertelingkahan sesama ahli waris, kurangnya kesedaran dan sikap ambil mudah ahli waris. Menyedari masalah ini, suatu penyelesaian yang terbaik harus dikaji dan diselidik secara serius. Justeru, hibah dilihat sebagai alternatif kepada pengagihan harta pusaka bagi mengurangkan masalah yang timbul akibat kegagalan dan kelewatan pengagihan harta melalui faraid tanpa mengabaikan kepentingan hukum faraid dalam aspek pembahagian harta. Hal ini bertujuan memastikan bahawa pembahagian harta dapat dilaksanakan menjadi lebih mudah kerana pemilik harta masih hidup, maka proses lebih lancar dan tidak membebankan mana-mana ahli waris berbanding pembahagian harta pusaka. Dalam keadaan tersebut, penerima hibah dapat menggunakan wang hibah sementara menunggu proses pembahagian harta pusaka selesai. Hal ini kerana hibah tidak menjadi sebahagian daripada pusaka.

Tambahan pula, pelaksanaan hibah dilihat amat sesuai diamalkan seiring dengan perkembangan zaman serta perubahan gaya hidup masyarakat. Malahan, pengagihan harta secara hibah tidak perlu melalui proses pentadbiran seperti yang diperlukan dalam permohonan dan penyelesaian harta pusaka secara faraid. Pernyataan ini tidak menafikan prosedur-prosedur yang ditempuh dalam proses hibah agar harta yang telah dihibahkan tidak lagi dicabar di mana-mana peringkat mahkamah oleh waris-waris. Oleh itu, tidak timbul lagi masalah kelewatan dan tunggakan kes pengagihan harta. Selain itu, masalah pengabaian pembahagian harta juga tidak akan timbul memandangkan pemberian telah dilakukan semasa si mati masih hidup kepada waris-waris tersebut. Antaranya bertujuan membantu waris meneruskan kehidupan seperti menyara keluarga, membantu melangsaikan hutang si mati dan waris boleh menggunakan wang tersebut sementara menunggu proses pembahagian harta pusaka selesai.

Selain itu, hibah adalah satu amalan yang disyariatkan dan digalakkan dalam Islam. Malah, ia juga merupakan dorongan untuk memberi kepada saudara-mara dan kerabat terdekat dengan tujuan mengeratkan silaturahim. Firman Allah SWT yang bermaksud:

...وَأَتَى الْمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ ...

“...dan memberikan harta yang (walaupun) dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang miskin, ibnu al-Sabil (musafir yang memerlukan pertolongan) dan orang yang meminta-minta dan memerdekakan hamba sahaya...”

Surah al-Baqarah, 2: 177

Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT telah menerangkan tentang perkara yang dianggap sebagai kebajikan, antaranya adalah membelanjakan harta di jalan Allah. Di samping itu, Allah SWT menciptakan harta (*mal*) untuk memenuhi keperluan manusia. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), harta bermaksud barang-barang yang berharga seperti rumah, tanah dan barang-barang kemas yang dimiliki oleh seseorang. Sehubungan dengan itu, segala yang hendak dihibahkan mestilah memenuhi syarat-syarat seperti hendaklah barang atau harta yang dibenarkan oleh syarak, barang atau harta itu mestilah milik pemberi hibah dan mempunyai nilai di sisi syarak. Jika melibatkan harta, maka harta itu hendaklah tidak bersambung dengan harta pemberi hibah yang tidak boleh dipisahkan, contohnya pokok-pokok, tanaman dan bangunan yang tidak termasuk tanah (Mohd Zamro, 2008).

Penyelidikan ini dapat membantu para isteri khususnya dengan memberi gambaran dan mengambil cakna tentang pentingnya hibah semasa hidup kepada orang yang tersayang. Kecenderungan isteri-isteri menghibahkan harta kepada suami bukanlah rahsia lagi kerana didapati sumber daripada ejen bahawa informan yang ditemu bual mempunyai kesedaran betapa pentingnya hibah pada masa hadapan. Persoalannya, apakah faktor yang mendorong isteri melakukan hibah kepada suami? Adakah ini berlaku atas faktor ekstrinsik ataupun intrinsik? Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong isteri melakukan hibah kepada suami.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan atau *research* adalah gabungan dua patah perkataan ‘*re*’ dan ‘*search*’, iaitu pendekatan penyelidikan yang bersistematik untuk mendapatkan pengetahuan baharu daripada fakta sedia ada (Zul-kifli & Nurain, 2022). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder. Menurut Sugiyono (2015), data primer merupakan sumber data yang langsung memberikan data kepada pengumpul data. Data sekunder pula merupakan sumber yang tidak langsung memberikan data kepada pengumpul data, misalnya melalui orang lain atau melalui dokumen.

Data primer merujuk kepada data yang diperoleh daripada temu bual separa berstruktur. Tujuan temu bual jenis ini adalah untuk menemukan permasalahan secara lebih terbuka, di mana responden diminta memberi dan ideanya. Sampel yang ditemu bual dalam kajian ini melibatkan lima orang isteri dan salah seorang daripada mereka merupakan pegawai ejen takaful. Soalan yang telah dibina diserahkan untuk disemak oleh pakar, kemudian diserahkan kepada pihak yang ditemu bual.

Pemilihan sampel dilakukan berdasarkan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Persampelan bertujuan merujuk kepada sekumpulan teknik persampelan bukan kebarangkalian di mana unit dipilih kerana mempunyai ciri yang diperlukan oleh pengkaji dalam sampel (Kassiani Nikolopoulou, 2022). Kelima-lima responden yang dipilih mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki oleh pengkaji, iaitu berdasarkan pengalaman mereka sendiri dalam melakukan hibah. Sementara itu, ejen takaful pula dipilih kerana beliau mempunyai maklumat berkaitan tujuan hibah isteri terhadap suami. Hibah yang dimaksudkan dalam kategori ini adalah dalam sebarang bentuk sama ada harta, rumah, tanah, duit caruman atau simpanan. Justeru, sampel kajian terdiri daripada isteri yang bekerja kerana bagi memastikan kewangan responden dan keluarga stabil.

Seterusnya, analisis data adalah proses pemeriksaan dan pengolahan untuk diubah menjadi maklumat yang bermanfaat, membuat kesimpulan dan membantu dalam menyelesaikan suatu permasalahan. Bahagian ini sangat penting bagi mendapatkan keputusan akhir kajian. Dalam konteks kajian ini, data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik dengan penilaian transkripsi. Kaedah ini melibatkan pencarian pola dalam keseluruhan data untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak berulang dalam sesuatu kajian. Kaedah ini bertujuan untuk menggambarkan data serta melibatkan proses pengkodan dan pembinaan tema dalam sesuatu kajian (Michelle & Lara, 2020). Ia adalah kaedah terbaik untuk mendapatkan maklumat daripada responden secara mendalam.

Jadual 1: Soalan Temubual

Bil.	Item
1.	Apakah faktor yang mendorong untuk melakukan hibah kepada suami?
2.	Apakah faktor yang mempengaruhi untuk melakukan hibah?
3.	Adakah berlaku atas faktor intrinsik ataupun ekstrinsik?
4.	Apakah aset yang berharga untuk dihibahkan kepada suami?

Sumber: Penulis (2025)

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian didapati wujudnya konflik antara ahli waris akibat daripada kurangnya kesedaran tentang kepentingan hibah atau si mati mempunyai alasan untuk tidak melakukan hibah dengan anggapan bahawa tidak akan berlaku pertikaian selepas kematiannya. Bagi kajian ini, responden yang terlibat ialah seramai lima orang isteri yang berumur antara 25 hingga 50 tahun serta mempunyai pekerjaan. Pemilihan responden berdasarkan kriteria bahawa mereka telah mendirikan rumah tangga selama melebihi lima tahun supaya responden yang dipilih mempunyai hubungan yang lebih kukuh dengan pasangan. Tambahan pula, kesemua responden telah melaksanakan hibah takaful untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan keluarga tersayang. Profil demografi responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 2: Latar belakang responden

Bil	Responden	Umur	Pekerjaan	Tempoh Perkahwinan
1	A	50 tahun	Guru	27 tahun
2	B	48 tahun	Guru	21 tahun
3	C	43 tahun	Guru	23 tahun
4	D	30 tahun	Peniaga	5 tahun
5	E	26 tahun	Ejen Takaful	5 tahun

Sumber: Penulis (2025)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor utama yang mendorong responden A melakukan hibah kepada suami ialah supaya suami dapat menggunakan hibah tersebut untuk keperluan pelajaran dan masa depan anak-anak. Manakala responden B berpandangan bahawa hibah diberikan sebagai tanda kasih sayang sepanjang tempoh perkahwinan serta sebagai tanda penghargaan kepada suami agar pengurusan harta lebih mudah dirancang. Responden C berpandangan bahawa hibah dapat mengelakkan ketidakadilan atau mengurangkan risiko harta disalahgunakan. Menurut responden D pula, hibah diberikan agar suami dapat membantu melangsaikan hutang yuran pengajian setelah kematian beliau. Responden E berpandangan bahawa hibah boleh dimanfaatkan untuk membiayai kos rawatan sekiranya mengalami kecederaan.

Selain itu, antara responden yang melakukan hibah atas faktor intrinsik ialah responden A. Beliau berpandangan bahawa hibah kepada suami dilakukan supaya suami dapat menampung sumber pendapatan. Manakala responden B berpandangan bahawa hibah diberikan agar suami dapat menguruskan waris yang ditinggalkan dengan lebih berkesan. Menurut responden D pula, hibah dilakukan supaya suami dapat menguruskan kewangan keluarga dengan lebih teratur. Responden E berpandangan bahawa hibah yang diterima selepas kematiannya dapat digunakan oleh suami sebagai persediaan awal untuk membayar peguam bagi menguruskan harta pusaka isteri dan keperluan anak-anak.

Seterusnya, berdasarkan dapatan kajian, terdapat seorang responden iaitu responden C yang melakukan hibah atas faktor ekstrinsik, manakala selebihnya melakukan hibah atas faktor intrinsik. Menurut responden C, hibah dilakukan kerana bimbang harta yang ditinggalkan akan menjadi rebutan atau disalahgunakan oleh pihak lain termasuk adik-beradik yang mempunyai niat tidak baik. Hal ini menunjukkan bahawa kesemua responden, iaitu para isteri sangat menitikberatkan kemaslahatan suami dan keluarga.

Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa semua responden mempunyai aset berharga dan bernilai untuk dihibahkan kepada suami. Sebagai contoh, responden A menghibahkan rumah kepada suami, manakala responden B menghibahkan tanah. Responden C pula menghibahkan wang simpanan ASB. Sementara itu, responden D menghibahkan duit caruman hibah kepada suami untuk pembayaran hutang pengajian dan selebihnya diserahkan kepada suami sepenuhnya. Responden E pula menghibahkan duit caruman hibah kepada suami untuk pembayaran kos guaman dan keperluan anak-anak.

Oleh itu, hasil dapatan kajian membuktikan bahawa majoriti responden sememangnya mengambil berat akan kepentingan hibah kepada suami. Hal ini menunjukkan bahawa setiap responden mempunyai perancangan yang rapi dan matlamat yang jelas demi menjaga kemaslahatan suami dan keluarga dalam jangka masa panjang.

PERBINCANGAN

Perbincangan ini melibatkan implikasi pengabaian hibah dan faktor-faktor yang mempengaruhi hibah isteri kepada suami.

1. Implikasi Terhadap Pengabaian Hibah

Menurut seorang pakar hartanah, Khamarul Azhar Hashim, statistik pada tahun 2018 menunjukkan sekurang-kurangnya 0.2 peratus daripada 15 juta penduduk Malaysia membuat penyediaan dokumen hibah. Hal ini membuktikan bahawa tahap kesedaran masyarakat masih rendah berkaitan pengurusan harta menggunakan kaedah hibah dan ini sekali gus menimbulkan kemudaratan kepada waris pada masa akan datang (Nurul Fhatihah, 2018).

Merujuk kepada isu perebutan harta oleh Ali Puteh atau nama sebenarnya Syed Ali Mubarak Syed Mohd Ridzuan dan kakak iparnya, Siti Nor Hidayah Mohd Ali, kes ini telah menarik perhatian ramai kerana ia melibatkan hak waris dan hak seorang isteri yang telah kehilangan tempat bergantung setelah kematian suami. Kes ini bermula susulan kematian abangnya, yang juga seorang pelawak yang dikenali sebagai

Abam Bocey atau nama sebenar Syed Umar Mokhtar Syed Mohd Ridzuan, yang disahkan meninggal dunia pada 10 Februari 2020.

Konflik tercetus akibat tindakan Ali Puteh mengambil telefon bimbit dan beg duit arwah pada hari kedua kematiannya (Norlizah, 2022). Konflik berlanjutan sehingga menyebabkan Nor Hidayah hilang tempat bergantung dan akhirnya beliau kembali ke rumah ibu bapanya. Oleh kerana fitnah yang bertalutalut daripada Ali Puteh, Nor Hidayah telah menfailkan saman fitnah terhadap Ali Puteh berhubung kenyataan yang dibuat adik iparnya itu dalam akaun Instagram yang menggambarkan beliau sebagai seorang yang tidak bertanggungjawab. Antara tuntutan yang difailkan terhadap Ali Puteh dan keluarganya ialah tuntutan faraid, tuntutan hak penjagaan anak, tuntutan kereta dan sebagainya. Seterusnya, Ali Puteh juga menfailkan saman terhadap Nor Hidayah. Namun, setelah dibicarakan, kemenangan kes berpihak kepada Nor Hidayah (Faezah, 2022).

Hal ini membuktikan bahawa keadaan yang sepatutnya mudah menjadi rumit akibat kekekaan dalam perancangan harta yang betul. Sekiranya hibah dilakukan lebih awal, konflik antara keluarga si mati dapat dicegah dan tiada isu perebutan harta akan timbul. Sebagai contoh, pemberian rumah kepada isteri semasa hayat boleh memastikan isteri dan anak-anak mendapat perlindungan kewangan selepas kematian suami. Kes seperti ini menunjukkan bahawa perancangan harta yang teratur adalah penting bagi mengelakkan perbalahan keluarga dan memastikan keluarga si mati tidak teraniaya.

2. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Hibah

Hibah tidak tertakluk kepada hukum faraid, tetapi hibah adalah sebagai pelengkap untuk faraid. Hibah merupakan instrumen yang digalakkan kepada umat Islam bagi memudahkan pengurusan harta dan juga bagi mengelakkan konflik perebutan harta pusaka antara keluarga, saudara mara atau pewaris daripada berlaku. Antara faktor-faktor umat Islam melakukan hibah adalah konsep pelaksanaan hibah yang tiada had dikenakan terhadap kadar bahagian atau jumlah pemberian. Jika dilihat, hukum faraid mempunyai kadar-kadar tertentu seperti yang diturunkan di dalam al-Quran, manakala wasiat pula tidak boleh melebihi sepertiga ($1/3$) daripada harta pusaka bersih (Hadis Riwayat Muslim No. 1628). Hibah mempunyai kelainan kerana tiada had jumlah yang perlu dipatuhi seseorang dalam pemberian hibah (Rusnadewi & Nor Hisyam, 2013). Hal ini secara tidak langsung dapat membantu suami dalam menguruskan waris yang ditinggalkan dengan lebih berkesan, misalnya dari segi pengurusan kewangan dalam keluarga.

Selain itu, faktor lain adalah perceraian tidak menjejaskan hak kepada pemberian hibah. Konsep pemberian secara hibah sama sekali tidak akan menghalang seseorang suami atau isteri daripada memberikan harta atau menuntut harta yang diberikan oleh salah seorang di antara mereka apabila berlakunya perceraian. Oleh itu, hikmah di sebaliknya keharusan hibah pada situasi ini adalah kerana mungkin seseorang bekas suami atau isteri yang berkemampuan ingin memberikan hartanya seperti rumah atau tanah kepada bekas pasangannya sebagai penghargaan. Malahan, hikmah lain adalah untuk melindungi anak-anak hasil perkahwinan yang tinggal di rumah tersebut dan dipelihara oleh bekas pasangannya (Rusnadewi & Nor Hisyam, 2013). Bagi memastikan hibah diurus dengan baik, pihak-pihak yang terlibat hendaklah berurusan dengan agensi yang sah agar tidak menimbulkan kesulitan pada kemudian hari. Antara agensi yang bertauliah adalah Amanah Raya Berhad. Pengurusan melalui agensi-agensi yang bertauliah dapat mengelakkan hibah daripada dicabar oleh ahli waris. Hal ini kerana segala urusan hibah oleh agensi bertauliah akan didokumentasikan dengan teliti dan rapi.

Terdapat dua faktor yang mempengaruhi hibah iaitu faktor intrinsik dan ekstrinsik. Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), intrinsik didefinisikan sebagai sebahagian daripada sifat atau ciri seseorang, manakala ekstrinsik pula merujuk kepada tindakan yang dipengaruhi oleh faktor luaran. Daripada tafsiran ini, dapat difahami bahawa intrinsik merujuk kepada dorongan dalaman, manakala, ekstrinsik bersumberkan dorongan luaran.

2.1. Faktor Intrinsik

Hibah merupakan satu amalan yang dianjurkan dalam agama Islam. Kajian ini mengkhususkan kepada hibah yang dilakukan oleh isteri kepada suami. Jika hibah kepada bukan ahli keluarga digalakkan, maka hibah kepada suami adalah lebih utama kerana ia dapat mengeratkan hubungan silaturahim, seperti yang dianjurkan dalam Islam. Terdapat lima faktor intrinsik yang mendorong isteri untuk melakukan hibah sebagai persediaan awal atau langkah mengelakkan kesan buruk terhadap suami selepas kematiannya. Faktor-faktor tersebut ialah kasih sayang, sifat pengorbanan, kredibiliti, keprihatinan, dan perancangan jangka masa panjang.

Faktor kasih sayang merupakan hubungan yang terjalin antara suami dan isteri sepanjang tempoh perkahwinan. Suami dan isteri disatukan oleh perasaan cinta dan kasih sayang, yang disemai sejak awal perkenalan. Kasih sayang dalam rumah tangga bertambah apabila pasangan saling melihat dan menghargai kebaikan antara satu sama lain (Nasoha, 2002). Selain itu, suami dan isteri berkongsi susah senang serta menempuh pelbagai cabaran bersama sejak awal perkahwinan. Justeru, penghargaan seorang isteri kepada suami melalui hibah dapat memudahkan pengurusan dan pentadbiran harta, sekaligus mengelakkan masalah birokrasi pada masa hadapan. Berikut adalah pandangan Responden B (Fadiah, 2022):

“Kasih sayang antara suami dan isteri sepanjang tempoh perkahwinan yang telah disemai semenjak dari awal perkahwinan. Suami dan isteri telah bersusah payah bersama-sama dari awal perkahwinan lagi dan segala pengorbanan dan penat lelah suami dalam alam perkahwinan.” (B/131122)

Faktor seterusnya adalah sifat pengorbanan. Isteri melakukan hibah kepada suami demi masa depan anak-anak. Kasih sayang dan pengorbanan seorang ibu tidak ternilai harganya. Justeru, kasih sayang seorang ibu terhadap anak adalah tanpa batas dan tidak pernah luntur berbanding kasih sayang seorang ayah (Hendri Kusuma, 2010). Anak merupakan buah hati bagi seorang ibu (Buyung, 2019). Selain itu, hibah dapat membantu meringankan beban suami dalam menguruskan anak-anak. Suami dapat menggunakan faedah tempoh matang (*maturity benefit*) untuk menampung perbelanjaan seperti yuran persekolahan, bayaran pengasuh, pakaian dan keperluan lain bagi masa depan anak-anak. *Maturity benefit* merujuk kepada sejumlah wang yang dibayar balik kepada peserta takaful selepas tempoh matang sijil takaful (Siti Rashidah & Noor Lizza, 2019). Oleh itu, hibah yang dilakukan oleh isteri kepada suami dapat menjamin masa depan anak-anak serta memastikan mereka mampu hidup dalam keadaan selesa. Hal ini diakui oleh Responden A (Zuraidah, 2022):

“Seorang ibu pastinya ingin yang terbaik untuk anak-anak. Dengan melakukan hibah harta kepada suami dapat meringankan beban untuk menguruskan dan membeli barang keperluan anak-anak.” (A/141122)

Faktor intrinsik lain adalah atas kredibiliti. Kredibiliti dalam konteks ini merujuk kepada kebolehpercayaan isteri terhadap suami. Dalam kes ini, isteri lebih memilih untuk melakukan hibah kepada suami bagi memudahkan urusan harta. Namun, tindakan ini bukan bermaksud isteri menyetepikan ibu bapa. Hal ini berlaku kerana suami lebih terdedah dengan penggunaan teknologi maklumat, seperti telefon bimbit, pemindahan wang dalam talian dan surat-menyurat di bank. Berbanding ibu bapa yang mungkin kurang mahir dalam teknologi moden, suami lebih berkemampuan untuk menguruskan pembayaran hutang dan mengelakkan harta jatuh ke tangan pihak lain sebelum hutang dapat dilangsaikan. Sebagai contoh, jika isteri mempunyai hutang yuran pengajian, ada dalam kalangan mereka yang memilih untuk membayar hutang tersebut melalui hibah. Caranya adalah dengan membuat caruman bulanan menggunakan sebahagian nafkah yang diberikan suami. Hibah bukan sahaja membolehkan perancangan kewangan lebih teratur, tetapi juga membantu memastikan hutang tertunggak dapat diselesaikan sebelum berlaku kematian. Seperti yang dinyatakan oleh Responden D dalam temu bual (Najihah, 2022):

“Pada pendapat saya, saya meletakkan nama suami saya sebagai penama hibah kerana saya mempunyai *few* hutang seperti yuran belajar dan juga kereta. Bila saya memberi kepercayaan kepada suami, bukan bermaksud saya mengetepikan ibu bapa. Tetapi kerana suami saya lebih mengetahui tentang teknologi sekarang dan saya taknak menyusahkan ibu bapa. Kemungkinan pada masa akan datang hutang berkurangan dan duit hibahan lebih, saya juga ada maklum kepada suami untuk memberi sedikit duit hibahan itu pada ibu bapa saya.” (D/221122)

Di samping itu, sifat keprihatinan isteri terhadap suami juga menjadi pendorong bagi isteri untuk melakukan hibah kepada suami. Setiap wanita yang telah berkahwin pasti bercita-cita untuk menjadi isteri yang solehah serta menjadi penyejuk hati dan mata bagi suami. Merujuk hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin ‘Amr RA yang bermaksud:

الدُّنْيَا مَتَاعٌ، وَخَيْرُ مَتَاعِهَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ

“Dunia adalah perhiasan dan sebaik-baik perhiasan adalah wanita yang solehah”

Riwayat Muslim: 2668

Salah satu ciri wanita solehah adalah taat dan berbakti kepada suami. Hal ini menunjukkan keprihatinan isteri yang ingin berbakti kepada suami sejak awal perkahwinan hingga akhir hayatnya.

Sehubungan dengan itu, *maturity benefit* daripada hibah juga boleh digunakan untuk urusan jangka masa panjang seperti pembayaran kos pengurusan harta pusaka isteri. Hal ini demikian kerana perancangan dan pengurusan harta semasa hidup merupakan sebahagian daripada tuntutan Islam. Perancangan harta ialah satu proses pengurusan yang dibuat semasa hidup demi kepentingan pemilik serta pihak berkepentingan (Alias, 2018). Oleh itu, apabila penghibah meninggal dunia, pengurusan tersebut akan dikendalikan oleh peguam, dan sebahagian daripada caruman hibah akan diserahkan sepenuhnya kepada suami. Seperti mana yang dinyatakan oleh Responden E dalam temu bual (Noor Shazlina, 2022):

“Faktor dalaman kot. Duit hibah tu boleh digunakan untuk bayar peguam untuk uruskan harta pusaka isteri dan urus anak. Tak semua suami ada simpanan yang banyak untuk urus anak-anak, hutang rumah dan sebagainya.” (E/020322)

Oleh itu, jelaslah bahawa terdapat pelbagai faktor intrinsik yang membuktikan kepentingan hibah kepada suami. Hibah juga mampu menjadi solusi kepada isu pengurusan harta, yang semakin kritikal pada masa kini. Selain itu, hubungan baik antara suami dan isteri serta kepercayaan isteri terhadap suami sepanjang perkahwinan menjadi pendorong utama kepada keputusan isteri untuk melakukan hibah. Instrumen hibah ini bukan sahaja memberi manfaat kepada suami, tetapi juga menjamin penyelesaian dan masa depan anak-anak.

2.2. Faktor Ekstrinsik

Selain faktor-faktor intrinsik yang telah dinyatakan oleh responden, terdapat juga faktor ekstrinsik yang mempengaruhi keputusan isteri untuk melakukan hibah kepada suami. Salah satu faktor ekstrinsik tersebut ialah kebimbangan terhadap kemungkinan harta jatuh ke tangan pihak lain sekiranya isteri tidak meninggalkan anak atau waris. Bagi mengelakkan situasi ini, isteri mengambil langkah menghibahkan harta-harta tertentu lebih awal, seperti tanah, rumah, saham perniagaan, akaun simpanan, dan lain-lain. Tanpa perancangan dan persediaan yang betul, harta yang ditinggalkan berisiko menjadi beban serta menimbulkan masalah kepada ahli keluarga. Lebih membimbangkan, keadaan ini boleh mencetuskan perebutan serta pertelingkahan dalam kalangan ahli keluarga. Isteri lebih memahami keadaan dan sikap

keluarganya, maka keputusan untuk melakukan hibah kepada suami dilihat sebagai satu langkah pencegahan. Hal ini diakui sendiri oleh Responden C (Yusliza, 2022):

“Tanpa hibah, harta yang ditinggalkan khatir akan menjadi rebutan atau salah guna kuasa oleh pihak lain termasuklah adik-beradik yang mempunyai niat tidak baik yang banyak berlaku sekarang.” (C/270222)

Sehubungan dengan itu, golongan yang disarankan untuk membuat hibah termasuklah mereka yang hanya mempunyai anak perempuan tanpa anak lelaki, memiliki anak istimewa atau kelainan upaya, mempunyai anak angkat, serta individu yang memiliki perniagaan dan ingin memastikan kesinambungan legasi perniagaan tersebut. Selain itu, hibah juga sesuai bagi mereka yang berhasrat untuk memberikan harta-harta tertentu tanpa had (Umairah, 2024). Justeru, pasangan yang tidak mempunyai anak, individu yang belum berkahwin, mereka yang berpoligami, jemaah haji, serta muafak yang ingin memberikan harta kepada ahli keluarga bukan Islam atas dasar kasih sayang turut digalakkan untuk melakukan hibah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa hibah merupakan instrumen pengurusan harta yang berkesan, terutamanya dalam memastikan harta dapat disalurkan kepada penerima yang dikehendaki dengan lebih mudah dan teratur.

Selain itu, faktor ekstrinsik lain yang mendorong seseorang untuk melakukan hibah adalah keputusan menghibahkan simpanan kewangan kepada individu tertentu. Kebanyakan wanita yang berkahwin dan berkerjaya mempunyai kesedaran tinggi terhadap kepentingan simpanan, termasuk untuk tujuan hibah. Hal ini disebabkan oleh desakan ekonomi masa kini, yang menyebabkan peranan isteri tidak lagi terhad kepada urusan rumah tangga sahaja (Abdul Aziz et al., 2016). Sebagai contoh, seorang isteri yang mempunyai simpanan sebanyak RM500,000 dalam akaun banknya. Selepas kematiannya, simpanan tersebut akan menjadi harta pusaka. Namun, kerana beliau menyedari bahawa dirinya dan suaminya mempunyai hutang, maka simpanan tersebut boleh digunakan untuk melangsaikan hutang mereka. Oleh itu, isteri memilih untuk menghibahkan simpanan tersebut kepada suami bagi mengelakkan perebutan harta pusaka dan membantu suami mengurus kewangan selepas kematiannya.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hibah memberikan ruang kepada pemilik harta untuk merancang pengagihan harta dengan lebih teratur, mengikut keperluan dan kehendak yang difikirkan sesuai. Justeru, tiada halangan bagi isteri untuk melakukan hibah kepada suami, terutamanya dengan kewujudan pelbagai agensi yang menawarkan perkhidmatan hibah serta khidmat nasihat bagi memastikan pelaksanaannya berjalan dengan lancar dan sah di sisi undang-undang.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas bahawa hibah merupakan alternatif terbaik dalam sistem pengurusan harta bagi orang Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi keputusan isteri untuk melakukan hibah kepada suami, iaitu faktor intrinsik dan ekstrinsik. Kedua-dua faktor ini mengukuhkan lagi alasan isteri untuk menghibahkan harta kepada suami. Apa yang perlu ditekankan ialah hibah perlu dilaksanakan dengan cermat dan sistematik agar ia dapat diurus dengan baik serta tidak mudah dicabar di mahkamah. Pada masa kini, pelbagai agensi pengurusan hibah boleh dimanfaatkan oleh orang Islam bagi mengelakkan isu harta pusaka tidak dituntut serta implikasi lain yang telah dibincangkan. Sebagai cadangan, kesedaran awam mengenai hibah perlu diperhebatkan agar kerosakan dan mudarat dalam masyarakat dapat dielakkan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada *Journal of Contemporary Islamic Studies* (JCIS) Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam kerana menyediakan platform dan memberi peluang kepada penulis berkongsi hasil kajian.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tiada sebarang konflik kepentingan dalam menjalankan kajian dan penulisan ini.

SUMBANGAN PENULIS

Kesemua pengarang telah memainkan peranan secara bersama-sama dalam merangka, menulis menganalisis dan menyempurnakan penulisan jurnal ini.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, A., Hj Azahari, R., & Mohd Said, K. F. (2016). Perkongsian Pendapatan Suami Isteri Dalam Keluarga Islam dan Impak Kepada Kualiti Hidup. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 2(1), 143–160.
- Alias, Azhar. (2018). *Praktis Hibah di Malaysia*. Malaysia: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Buyung, S. (2019). Peran Ibu Terhadap Masa Depan Anak. *Jurnal Hawa: Studi Pengarus Utamaan Gender Dan Anak*, 1(2).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ekhwan Haque', E. H. F. (12 January 2020). Harta RM70 Bilion Tergantung. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/01/534382/harta-rm70-bilion-tergantung>
- Faezah Muda. (18 February 2022). Konflik Ali Puteh, Nor Hidayah berakhir. Berikut Kronologi Saman-Menyaman. *SinarPlus*. <https://sinarplus.sinarharian.com.my/hiburan/konflik-ali-puteh-siti-norhidayah-berakhir-berikut-kronologi-saman-menyaman>
- Hendri Kusuma, Wahyudi. (2010). *Doa Pada Masa Kehamilan*. PT Mizan Publika.
- Kassiani Nikolopoulou, K. (19 Ogos, 2022). *What is Purposive Sampling?* Scribbr. <https://www.scribbr.com/author/kassianin/page/11/>
- Michelle, E. Kiger, & Lara, Varpio. (2020). Thematic Analysis of Qualitative Data. *Medical Teacher*, 42(8), 846–854.
- Mohd Arif, M. I. A., Adenan, F., & Moidin, S. (2023). Analisis Perundangan terhadap Pelaksanaan Akad Hibah Amanah dalam Industri Kewangan Islam di Malaysia. *Akademika*, 93(03), 197–211.
- Mohd Zamro, M. (2008). *Instrumen Hibah: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia*. Konvensyen Faraid Dan Hibah Kebangsaan, 1–19.
- Nasoha, Saabin. (2002). Mengendalikan Hubungan Suami Isteri (p. 136). PTS Litera Utama.
- Nasrul Hisyam, N. M. (2011). *Hibah Dalam Undang-Undang Islam: Prinsip dan Amalan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

- Norlizah, A. (18 February 2022). Kenyataan Fitnah Ali Puteh Aibkan Kakak Ipar Yang Baru Kehilangan Suami. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/02/kenyataan-fitnah-ali-puteh-aibkan-kakak-ipar-yang-baru-kehilangan-suami/>
- Nurul Fhatihah, Z. (22 September 2018). Tahap Kesedaran Hibah Masih Rendah. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bisnes/hartanah/2018/09/476899/tahap-kesedaran-hibah-masih-rendah>
- Rusnadewi, A. R. & Nor Hisyam, A. (2013). Pengurusan Harta Melalui Hibah: Kepentingan dan Manfaat Dari Pelbagai Aspek Untuk Kemajuan Ummah. *Jurnal Hadhari*, 5(1), 91–104.
- Siti Norisshah, G., & Muhamad Zuhaili, S. (2023). The Level of Awareness of Hibah Among Muslim Residents in Raub, Pahang. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 9(2), 22.
- Siti Rashidah, I., & Noor Lizza, M. S. (2019). Pelaksanaan Hibah dalam Produk Takaful: Perspektif Fuqaha *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences Journal Homepage*, 15(1), 57–68.
- Sugiyono. (2015). *Metode Penelitian dan Pengembangan (Research and Development/R&D)*. Alfabeta.
- Syaikh Abdurrahman Al-Jaza`iri. (2003). *Fikih Empat Madzhab Jilid 4 (Vol. 4)*. Dar Al-Katob Al-ilmiah.
- Umairah. (30 Oktober, 2024). Pemberian Harta Melalui Hibah. As-Salihin Trustee Berhad. <https://as-salihin.com/pemberian>
- Wahbah al-Zuhaily. (1985). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Dar al-Fikr.
- _____. (1989). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Dar al-Fikr.
- Zul-kifli, Hussin dan Nurain Ab. Hamid. (2022). Gerakan Ateis Dalam Kerangka Tafsiran Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan. *Al-Takamul al-Ma`rifi* 5(1):1–13

SENARAI TEMUBUAL

- Fadiah, S. (13 November 2022). Faktor yang Mendorong Untuk Melakukan Hibah Kepada Suami (Nurul Adilah Hidzhir, Penemubual).
- Najihah. (22 November 2022). Faktor yang Mendorong Untuk Melakukan Hibah Kepada Suami (Nurul Adilah Hidzhir, Penemubual).
- Noor Shazlina. (2 March 2022). Faktor yang Mendorong Untuk Melakukan Hibah Kepada Suami (Nurul Adilah Hidzhir, Penemubual).
- Yusliza, Y. (27 February 2022). Faktor yang Mendorong Untuk Melakukan Hibah Kepada Suami (Nurul Adilah Hidzhir, Penemubual).
- Zuraidah, K. (14 November 2022). Faktor yang Mendorong Untuk Melakukan Hibah Kepada Suami (Nurul Adilah Hidzhir, Penemubual).



© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).